

21/11/1999

Apa kata mereka

\* "BAGAIMANAPUN, satu undi pun dikira menang juga," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Jitra.

\* "Rekod kita jelas dan kita telah buat banyak dan rakyat tahu. Kita tidak perlu hebahkan khabar angin dan bercakap bohong kerana calon dan parti BN yang telah dipilih berjuang untuk Malaysia dan rakyatnya," kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Kepala Batas.

\* "Kami daripada Barisan Nasional (BN) menjanjikan lima tahun yang penuh gilang-gemilang kepada penduduk Jeli, dan sesungguhnya usaha kami dalam membawa pembangunan di Jeli nyata dapat dinilai oleh rakyat sejak empat setengah tahun yang lepas," kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, di Jeli.

\* "Saya serahkan kepada pucuk pimpinan parti bagi menentukan siapa yang layak bertanding...saya adalah anggota parti yang setia dan akur dengan keputusan yang dibuat," kata Datuk Hazizah Sultan, di Melaka.

\* "Saya telah mencatat sejarah kerana menjadi satu-satunya calon BN di Johor yang menang tanpa bertanding kali ini," kata Yap Chik Dong yang menang tanpa bertanding di DUN Tangkak, di Tangkak.

\* "Pencalonan saya ditolak. Saya terkejut dengan ini. Mereka menolak kertas pencalonan saya maka saya tidak layak bertanding," kata Wee Choo Keong yang ditolak pencalonannya merebut kerusi Parlimen Bukit Bintang di Kuala Lumpur.

\* "Saya sebenarnya lebih suka Datuk Seri Anwar bertanding, cuba atau setidak-tidaknya. Zainur kata Anwar tidak mahu mengambil risiko," kata Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil di Kuala Lumpur.

\* "Saya bertanding bukan buat harta, tetapi untuk rakyat. Saya tidak berapa sihat tetapi yakin mampu bertahan sepanjang tempoh pilihan raya ini," kata penulis novel kontroversi, Shit, Sasterawan Negara, Datuk Shahnnon Ahmad yang bertanding atas tiket Pas di Sik.

\* "Pas telah mengalah dan mempunyai kesedaran bahawa perjuangan BN adalah hakikat yang sebenarnya pembangunan dan kesejahteraan negara," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Othman, di Sik.

\* "Mengundi untuk negara bukan untuk individu, itu termasuk diri saya sendiri," kata Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, di Kota Samarahan.

\* "Saya tidak gentar berhadapan tokoh Pas bergelar Tok Guru, kerana kita ini hanya manusia biasa dan boleh ditewaskan," kata Naib Ketua Umno Bahagian Pengkalan Chepa, Ropli Ishak, di Kota Bharu.

\* "Sudah tiba masanya orang cacat seperti saya turut bergiat dalam politik kerana selama ini orang cacat telah membuktikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang," kata calon Bebas, Dr Wan Ahmad Wan Omar yang bertanding di Parlimen Besut.

\* "BN adalah simbol rakyat manakala Keadilan adalah Anwar. Kita di BN bekerja untuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia semua kaum dan simbol kita bukan untuk seorang individu," kata Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, di Kuala Lumpur.

\* "Sekarang kita telah menjalani proses penyatuan sebenar dan dengan penyatuan yang wujud itu saya lebih berkeyakinan Umno akan dapat menguasai Kelantan," kata Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

\* "Saya bukan tak nak pegang tangan calon Pas, takut nanti mereka